



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PINDAAN KEPADA PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2008 LANJUTAN DARIPADA PENGELUARAN
PEKELILING-PEKELILING PERKHIDMATAN DAN PERBENDAHARAAN TERKINI**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikeliling kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Bahagian
Semua Pengarah Bahagian

Salinan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II

Rujukan Kami: JUPEM.BK 100-1/3/2 Jld. 2 (9)

Tarikh : 12 Oktober 2021

5 Rabiulawal 1443H

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Bahagian
Semua Pengarah Bahagian

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PINDAAN KEPADA PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2008 LANJUTAN DARIPADA PENGELUARAN
PEKELILING-PEKELILING PERKHIDMATAN DAN PERBENDAHARAAN TERKINI**

Merujuk kepada perkara di atas, Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 2 Tahun 2008 (PKPUP Bil.2/2008) berkaitan Kadar Baru Elaun Kerjalar Kadaster dan Pemetaan bagi Kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah dikeluarkan pada 2 Mei 2008 sebagai panduan kepada pegawai-pegawai Jabatan ini tentang kadar baharu serta syarat pembayaran elaun kerjalar kepada pegawai dan pegawai pasukan ukur Kadaster dan Pemetaan. Perenggan 3.1 pekeling tersebut menjelaskan bahawa kadar elaun adalah berdasarkan gred jawatan pegawai yang terlibat iaitu dari Gred R1 - R4, J1 - J6, J17 - J38 dan J41 - J44.

2. Susulan daripada ini terdapat beberapa penambahbaikan skim perkhidmatan yang telah dimaklumkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2013 - Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik Ukur, Juruteknik Landskap dan Juruteknik Perancang Bandar dan Desa serta Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Juruukur, Penolong Arkitek Landskap dan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa serta melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2013 - Skim Pembantu Operasi dan Pembantu Awam. Di antara penambahbaikan yang telah

dimaklumkan serta berkaitan dengan pegawai-pegawai JUPEM adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Skim Perkhidmatan Baharu

Bil.	Skim Perkhidmatan Lama	Skim Perkhidmatan Baharu
1	Penolong Juruukur Gred J29, J36 dan J38	Penolong Juruukur Gred JA29, JA36 dan JA38
2	Penolong Jurukur J17, J22 dan J26	Penolong Juruukur Gred JA29
3	Pekerja Awam Gred R1, R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R3, R6	Pembantu Awam Gred H11 dan H14

3. Seterusnya melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia, dimasukkan antaranya elemen penambahan lapisan gred kenaikan pangkat bagi Skim Perkhidmatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkaitan dengan pegawai-pegawai JUPEM seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Tambahan Lapisan Gred Baharu

Bil.	Lapisan Gred Lama	Tambahan Lapisan Gred Baharu
1	JA29, JA36 dan JA38	JA40
2	H11 dan H14	H16 dan H18

4. Selain itu, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melalui suratnya yang bertarikh 21 Mei 1996 telah memaklumkan bahawa kadar elaun kerja luar bagi pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia - Indonesia adalah mengikut

peruntukan yang terkandung di dalam pekeliling yang sedang berkuatkuasa ketika itu iaitu Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1992. Dalam konteks yang sama kadar elaun kerja luar serta bayaran insentif persempadanan bagi pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia - Brunei Darussalam belum lagi dinyatakan di dalam mana-mana pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

5. Justeru itu pindaan-pindaan terhadap PKPUP Bil.2/2008 perlu dilaksanakan agar selaras dengan pekeliling-pekeling terkini yang sedang berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan Malaysia seperti berikut:

- i. Maklumat Gred Pegawai di Jadual perenggan 3.1 dipinda dan digantikan seperti di **Jadual 3**:

Jadual 3: Pindaan Gred Jawatan Pegawai

Bil.	Gred Jawatan Pegawai	Gred Jawatan Pegawai Baharu
1	J41 - J44	J41 - J44 (Kekal)
2	J17 - J38	JA29 - JA40
3	J1 - J6 dan R1 - R4	H11 - H18

- ii. Perenggan 3.3 dipinda dan digantikan dengan **“Tafsiran ‘Ibu Pejabat’ hendaklah sama dengan tafsiran menurut Pekeliling Perbendaharaan terkini yang sedang berkuat kuasa.”**
- iii. Perenggan 3.7 dipinda dan digantikan dengan **“Elaun kerjalar Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia dan Malaysia - Brunei Darussalam adalah mengikut kadar dan syarat-syarat menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bertugas rasmi di**


dalam atau di luar negeri yang telah ditetapkan melalui Pekeliling
Perbendaharaan terkini yang sedang berkuat kuasa.

- iv. Perenggan 3.8 dipinda dan digantikan dengan **“Bayaran Insentif Persempadanan bagi Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Brunei Darussalam adalah sebanyak RM10.00 seorang sehari”**.
- v. Perenggan 3.9 dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' Sr DR. AZHARI BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia